

SPEKTRUM@PSN

Edisi Mei 2014

Apa yang menarik bulan ini?

- Program Istimewa Cuti Sekolah bertemakan 'Face Your Fears' menanti Pengunjung di PSN... **1**
- Program *Familiarization* untuk Guru Terpilih... **2**
- Khabar dari PSN Cawangan Utara... **2**
- Sana-sini PSN... **3**
- Info Sains... **3**
- Program Menarik Akan Datang... **4**
- Judul Buku Untuk Bulan Ini... **4**
- Jom Kenali Bahan Pameran... **4**



PROGRAM ISTIMEWA CUTI SEKOLAH BERTEMAKAN 'FACE YOUR FEARS' MENANTI PENGUNJUNG DI PSN

Sempena musim cuti sekolah ini, Pusat Sains Negara menawarkan Program Istimewa Cuti Sekolah yang akan berlangsung mulai 8 hingga 12 Jun 2014 bertempat di Pusat Sains Negara, Bukit Kiara, Kuala Lumpur.

Program yang bertemakan 'Face Your Fears' ini menawarkan pelbagai aktiviti menarik antaranya *Fear of Height, Snake Show, Fear of Medical, Scary Food – Dare to Eat?, Fear of Clown* dan *Survival Room*. Di samping itu, turut diadakan aktiviti luar antaranya *Rocket Launcher, Water Gun Fighting, Water Balloon, Nature Adventure* serta *Giant Bubbles*.

Objektif Program Istimewa Cuti Sekolah ini dianjurkan adalah untuk mengisi masa lapang terutamanya kanak-kanak untuk hadir bersama ibu-bapa mereka ke Pusat Sains Negara. Melalui aktiviti yang disertai, mereka dapat belajar mengenai sains sambil berseronok dengan aktiviti yang ditawarkan.

Selain itu, bayaran masuk adalah percuma kecuali ke pameran bertema. Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut mengenai program ini boleh diperolehi di dalam laman sesawang serta *facebook* (www.psn.gov.my / www.facebook.com/PusatSainsNegara). Selain itu, orang ramai juga boleh juga menghubungi Pusat Sains Negara di talian 03-2089 3400.

Sebarang pertanyaan atau maklumbalas boleh menghubungi:

Pusat Sains Negara,
Kem. Sains, Teknologi dan
Inovasi,
Persiaran Bukit Kiara,
50662 Bukit Kiara
Kuala Lumpur

Tel: 03-20893400

Faks: 03-20893401

www.psn.gov.my

www.facebook.com/PusatSainsNegara



PROGRAM FAMILIARIZATION UNTUK GURU TERPILIH

Penganjuran program tahunan Pusat Sains Negara ini telah melibatkan seramai 20 orang guru sekolah rendah (7-8 Mei 2014) dan 20 orang guru sekolah menengah (14-15 Mei 2014) dari kawasan sekitar Kuala Lumpur dan Selangor.

Objektif program ini adalah untuk memberi pendedahan kepada para guru mengenai perkhidmatan dan produk yang ditawarkan oleh Pusat Sains Negara. Ini bagi memudahkan mereka merancang lawatan ke Pusat Sains Negara kepada pelajar-pelajar di sekolah.

Sepanjang program ini berlangsung, para peserta telah diberi peluang menyertai pelbagai aktiviti antaranya *Giant Bubbles*, *Innotech*, Biotek, Keajaiban Sains dan *Science Show*. Di samping itu, mereka juga turut dibawa melawat ke galeri-galeri yang terdapat di Pusat Sains Negara.



KHABAR DARI PSN CAWANGAN UTARA



LAWATAN RASMI ADUN BANDAR BAHARU KE PSNCWU

Warga Pusat Sains Negara Cawangan Wilayah Utara (PSNCWU) telah berbesar hati menerima kunjungan YB Norsabrina binti Mohd. Noor, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Bandar Baharu yang juga merupakan Pengurus Jawatankuasa Sains dan Inovasi, Teknologi Maklumat, Komunikasi dan Teknologi Tinggi Negeri Kedah pada 23 Mei 2014.

Beliau bersama beberapa orang pengiring telah meluangkan masa lebih kurang 3 jam bagi melawat keseluruhan kawasan PSNCWU. Selain itu, lawatan ini juga dimanfaatkan dengan membincangkan masalah-masalah serta cabaran yang di hadapi oleh PSNCWU dalam mendidik dan memberi pendedahan kepada penduduk di sekitar wilayah utara tanah air mengenai bidang sains dan teknologi.

Sehubungan dengan itu, pertemuan dua hala ini diharap dapat membawa hasil yang memberansangkan bagi pembangunan PSNCWU serta masyarakat di wilayah utara pada masa akan datang.



SANA-SINI PSN...

**Lawatan Rasmi PSN ke
Pejabat Tun Dr. Mahathir Mohamad**
8 Mei 2014
KLCC, Kuala Lumpur



Lawatan Rasmi Delegasi Miraikan, Jepun
9 Mei 2014
Pusat Sains Negara,
Kuala Lumpur



Professional Development (Outreach)
14-16 Mei 2014
Marang, Terengganu

INFO SAINS



Tahukah anda?

Ginjal manusia mampu menapis dan memproses 15 liter air setiap hari.



PROGRAM MENARIK AKAN DATANG...

❖ Program Istimewa Cuti Sekolah

8 - 12 Jun 2014

Pusat Sains Negara
Kuala Lumpur

❖ World Ocean Day 2014

8 Jun 2014

Pusat Sains Negara
Kuala Lumpur

❖ Special Science Day 2014

24 – 26 Jun 2014

Pusat Sains Negara
Kuala Lumpur

❖ Science Kids 2014

29 September – 3 Oktober 2014

Pusat Sains Negara
Kuala Lumpur

Jom Kenali Bahan Pameran




Nama: Pedal Power

Lokasi: Eureka

Fungsi: Penjelasan mudah tentang tenaga. Bagaimakah tenaga boleh menyalaikan mentol? Apabila anda mengayuh pedal basikal perlahan-lahan, mentol akan menyala. Semakin laju kayuhan anda maka mentol akan menyala dengan lebih cerah. Tenaga terhasil berikutnya proses yang dinamakan transformasi tenaga.



JUDUL BUKU UNTUK BULAN INI



THE UNIVERSE INSIDE YOU

Penulis: Brian Clegg

Penerbit: Icon Book Ltd. (2012)

Dalam buku ini, penulisnya cuba menggambarkan perjalanan badan manusia sebagai alat untuk meneroka sains alam semesta. Penulis buku ini juga menyatakan bahawa beberapa penerokaan itu akan sangat dekat dengan diri manusia manakala bagi sesetengah pula ia akan mengembara jauh ke destinasi yang seterusnya.